



**Penyelidikan Translasional
Manfaat Terus Kepada Masyarakat**

Pengurusan Tertinggi

Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif
Naib Canselor

Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Ir. Dr. R.Badlishah Ahmad
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Prof. Dr. Nik Wan Omar
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Madya Nordin Jusoh
Pendaftar

Prof. Madya Ariza Ibrahim
Bendahari

Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd. Ghadas
Penasihat Undang-undang

Ir. Mohd Yasim A. Ghani
Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan

Sidang Pengarang

Prof. Dato' Dr. Mohamed Anwar Omar Din
Penerbit UniSZA

Dr. Wan Hishamudin Wan Jusoh
Penerbit UniSZA

Dr. Muhamad Fazil Ahmad
Fakulti Sains Sosial Gunaan

Dr. Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

En. Cornelius Anuar Abdullah McAfee
Pusat Antarabangsa

En. Mohd Shahrizal Nasir
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Pn. Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Cik Nazilah Mohamad
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Cik Safawati Basirah Zaid
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Pn. Zurina Mansor
Penerbit UniSZA

En. Mohamad Shahrir Abdul Hamid
Penerbit UniSZA

En. Kaswadi Yusoff
Unit Komunikasi Korporat

Cik Nurul Aizam Ab Rahim
Penerbit UniSZA

Sumber dan Penyumbang Bahan

1. Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)
2. Pusat Pengurusan Ladang
3. Pejabat Pengarah Kampus Besut
4. Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
5. Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi
6. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
7. Fakulti Bahasa dan Komunikasi
8. Fakulti Sains Sosial Gunaan
9. Fakulti Informatik dan Komputeran
10. Fakulti Biosumber dan Industri Makanan
11. Penerbit UniSZA
12. Kolej Kediaman UniSZA
13. Jabatan Pengurusan dan Pembangunan
14. Pusat Kesihatan Pelajar
15. Pejabat Bendahari
16. Pejabat Pendaftar
17. Institut Pembangunan Komuniti dan Kualiti Hidup
18. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam
19. Pusat Kesenian dan Warisan
20. Pusat Islam
21. Pusat Sukan dan Rekreasi
22. Pusat Teknologi Maklumat
23. Dr. Muhamad Fazil Ahmad
Timbalan Dekan Akademik dan Siswazah, FSSG
24. Prof. Madya Dr. Khamsah Suryati Mohd
Pengarah, Kampus Besut

Hak Cipta Terpelihara © 2017. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2017
Pengarah, Penerbit UniSZA
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus
Terengganu, MALAYSIA.

Tel: 09-668 8772, Faks: 09-668 7867

Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>



Kandungan

Utama	4
Malim Sarjana	
Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat	5
Rencana	18
Pencapaian	25
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	31
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	35
Sukan dan Ko-Kurikulum	39

Menteri Pendidikan Tinggi Lancar UniSZA Digital Hub



Tahun 2017 telah diumumkan sebagai tahun Penyelidikan Translasi (Translational Research) oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh. Susulan daripada pengumuman itu, UniSZA telah mengorak langkah untuk melaksanakan penyelidikan yang berupaya memberi manfaat terus kepada masyarakat melalui pelancaran UniSZA Digital Hub. Majlis pelancarannya telah dirasmikan oleh

Menteri Pendidikan Tinggi pada 8 Mac bertempat Kampus Tembila.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif menyatakan bahawa UniSZA Digital Hub terdiri daripada tiga makmal iaitu Tech@Lab, Entre@Lab dan Inno@Lab. Kesemua makmal tersebut membuka ruang dan landasan kerjasama antara UniSZA dengan industri dan masyarakat.

Memetik *tagline* UniSZA iaitu 'Ilmu dan Akhlak', Menteri Pendidikan Tinggi dalam ucapan perasmianya menekankan bahawa cabaran utama UniSZA adalah bagaimana untuk merealisasikan dan menterjemahkan moto tersebut bukan sahaja dalam kalangan warga UniSZA, tetapi juga kepada masyarakat. Justeru, ilmu dan akhlak perlu dicantumkan untuk memberi manfaat yang lebih bermakna kepada mereka.

"Konsep Quadruple Helix atau Lingkaran Empat merupakan kolaborasi antara kerajaan, universiti, industri dan masyarakat melalui penyelidikan. Digital Hub merupakan perkongsian pintar pertama antara universiti awam dengan universiti swasta di negara ini, antara UniSZA dengan Multimedia University (MMU)," katanya lagi.

Kolaborasi antara kedua-dua universiti ini berfokuskan kepada perkongsian kepakaran dalam penyelidikan dan inovasi teknologi digital.

Tech, Entre dan Inno@Lab

UniSZA Digital Hub merupakan pendekatan Quadruple Helix yang melaksanakan perkongsian kepakaran antara kerajaan, industri dan komuniti yang akan diterjemahkan melalui Penyelidikan Translasi. Penyelidikan Translasi berfokuskan kepada penyelidikan tentang isu-isu yang boleh mendatangkan manfaat secara langsung kepada masyarakat.

Digital Hub ini terdiri daripada tiga makmal iaitu Tech@Lab, Entre@Lab dan Inno@Lab. Tech@Lab merupakan makmal yang akan melibatkan kolaborasi bersama industri. Pemindahan serta perkongsian ilmu bersama industri akan merencanakan lagi penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran serta pengkomersialan produk melalui Penyelidikan Translasi.

Entre@Lab pula merupakan inkubator yang membuka peluang kepada pelajar dan alumni untuk memulakan perniagaan sendiri. Makmal ini akan disemarakkan dengan penggilapan bakat keusahawanan dalam kalangan pelajar dan alumni menerusi konsep 'Learn and Earn'.



Makmal ketiga, iaitu Inno@Lab pula menekankan konsep pemindahan serta perkongsian ilmu dan teknologi demi manfaat kepada komuniti. Akademia universiti akan bekerjasama dengan pihak luar bagi merencanakan lagi penyelidikan dan inovasi translasi.



A Weekend In English (AWIE) @ Kuala Nerus

The Faculty of Languages and Communication (FBK) conducted *A Weekend in English (AWIE)* programme in September and October 2016 at the UniSZA Gong Badak campus. This programme was held in collaboration with The Centre for Industry and Community Network (PJIM) and was funded by NBOS4. In total, eighty Form 2 students of SMK Kompleks Gong Badak and SMK Kompleks Seberang Takir participated in the programme that had the objectives of stimulating their interest in the English language and providing them opportunities to communicate in English through fun-learning activities, games and competitions. The programme was facilitated by twenty five specially trained UniSZA students taking the Bachelor of English with Communication.

In the first session, held on 30 September 2016, the activities carried out were Ice Breaking (Blank Space), Twist Your Tongue! and Chant Your Bond. The second session was held on 14 October 2016 and incorporated activities such as Serpente e Scaletta (Snakes and Ladders), Hot Seats and English Lounge. The grand finale and closing ceremony of the programme on 21 October 2016 saw the participants take part in two competitions; Choral Speaking and Western Dikir. The closing ceremony was officiated by the Vice Chancellor of UniSZA, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif who also gave away the prizes to the winners of the competitions. Among the attendees of the closing ceremony were the Dean of FBK, Prof. Dato' Dr. Mohamed Anwar Omar Din, staff of FBK, representatives from PJIM

and the principals and teachers of the two schools involved.

Overall, the feedback gathered from both the participants of the programme and the schools involved was encouraging. They were satisfied with the nature of the activities, the role of the facilitators, the time allotted for each session and the choice of venue. It is hoped that a beneficial programme of this nature would continue in the future, albeit on a bigger scale.



Bahan Bantuan Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Multimedia

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab perlu melalui pelbagai metode terutama yang berasaskan teknologi dan multimedia. Ini bagi melahirkan pelajar yang celik IT dalam arus kepesatan teknologi masa kini. Menyedari hakikat ini, Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) telah menganjurkan program Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Teknologi dan Multimedia yang diadakan pada 17 November 2016.

Program ini telah berlangsung di Makmal Komputer, Blok A, Pusat Teknologi Maklumat, UniSZA dan dikendalikan oleh penceramah jemputan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), iaitu Prof. Madya Dr. Muhammad Sabri Sahrir. Beliau merupakan pensyarah dalam bidang Teknologi Pendidikan Bahasa Arab yang menghasilkan banyak produk inovasi. Produk inovasi beliau yang berasaskan pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab telah memenangi banyak pingat dalam pertandingan inovasi sama ada pada peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Para peserta program terdiri daripada kumpulan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab (dengan Kepujian), FBK. Sepanjang program ini, para peserta telah didedahkan dengan pelbagai bahan pembelajaran bahasa Arab berasaskan teknologi. Antara aplikasi dalam talian yang boleh diguna oleh para pelajar dan juga pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ialah Tes Teach, Kahoot, Powtoon, Screencast-o-Matic, Poll Everywhere, TodaysMeet, Socrative, Twiddla dan Padlet. Semua aplikasi ini membolehkan perbincangan tentang pembelajaran dibuat secara dalam talian menggunakan laman web. Misalnya, aplikasi Tes Teach membolehkan para pensyarah menyediakan isi kandungan pengajaran dalam bentuk digital kepada para pelajar.

Aplikasi Kahoot pula membolehkan para pelajar menjawab kuiz berkaitan pembelajaran yang dipersembahkan dalam



bentuk yang menarik. Penyediaan video pendek dalam sesi pengajaran dan pembelajaran pula melibatkan aplikasi Powtoon dan Screencast-o-Matic yang menyediakan pelbagai kemudahan untuk menghasilkan video menarik. Selain itu, aplikasi Poll Everywhere merupakan aplikasi membina item soal selidik mudah yang digunakan untuk mendapatkan maklum balas daripada para pengguna dengan pantas.

Para peserta program turut diberi pendedahan mengenai laman pembelajaran dalam talian yang disediakan secara percuma iaitu Massive Open Online Courses (MOOCs) untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan pembelajaran sendiri.

Hasil daripada program ini, para pelajar dapat meningkatkan mutu kemahiran berbahasa Arab menerusi penggunaan teknologi terkini seiring dengan perkembangan globalisasi semasa.



Bengkel Penyelarasan Unit Ladang UniSZA



Pejabat Pengarah Kampus Besut (PPKB) telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan Unit Ladang UniSZA pada 8 - 10 Januari 2017, bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia Wilayah Timur (ILTIM), Jalan Pantai Peranginan Bukit Keluang, Besut. Bengkel ini telah disertai oleh 25 orang kakitangan UniSZA yang terdiri daripada pihak pentadbiran dan pensyarah Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) serta pegawai pertanian Agropolis. Majlis perasmian bengkel telah disempurnakan oleh Pengarah Kampus Besut, Prof. Madya Dr. Khamsah Suryati Mohd.

Objektif utama penganjuran bengkel ini adalah untuk menetapkan hala tuju dan pelan tindakan pembangunan dan perkembangan ladang UniSZA serta menentukan sasaran dan struktur

kefungsian. Selain itu, bengkel ini juga bertujuan membentuk carta organisasi serta menyelaras isu-isu berbangkit berkaitan ladang UniSZA. Penganjuran bengkel ini berdasarkan keputusan Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 21/2016 bertarikh 21 September 2016 yang bersetuju Unit Ladang ditubuhkan sebagai sebuah pusat tanggungjawab (PTj) dan diletakkan di bawah seliaan Pejabat Pengarah Kampus Besut (PPKB). Prof. Madya Dr. Khamsah Suryati Mohd telah dilantik memangku jawatan Pengarah Unit Ladang sehingga pengarah baharu dilantik oleh pihak universiti.

Bengkel ini dikendalikan oleh fasilitator yang berpengalaman dalam bidang pengurusan ladang iaitu Prof. Dr. Mahmud Tengku Muda

Mohamed. Beliau ialah Ketua Jabatan Sains Tanaman, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan merupakan mantan Pengarah Taman Pertanian Universiti, UPM. Beliau telah berkongsi pengalaman dan kepakarannya berkaitan pengurusan dan pembangunan ladang.

Bengkel selama tiga hari ini telah berjaya mencapai objektif yang disasarkan bagi menyediakan perkhidmatan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan berkaitan ladang di samping merancang projek-projek komersial dan penajaan hasil bagi menampung sumber kewangan universiti.



Inspire Anjur (IDSIC) Siri II

Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), UniSZA telah mengadakan program *Intellectual Discourse on Islamic Civilization (IDSIC) Siri II* 2016 pada 17 November 2016. Program tersebut berlangsung di Dewan Senat, Bangunan Pentadbiran UniSZA, Kampus Gong Badak dan dihadiri oleh felo penyelidik, pensyarah dan pelajar UniSZA.

Program ini merupakan salah satu medium untuk menggalakkan perbincangan intelektual dalam kalangan ahli akademik dan ulama secara konsisten. Selain itu, penganjurannya juga bertujuan memperkaya idea dan pemikiran melalui perkongsian pandangan hidup Islam yang betul serta maklumat mengenai pelbagai isu dalam tamadun Islam. Melalui program ini juga, kesedaran dalam kalangan intelektual Muslim mengenai kepentingan peranan mereka dalam membantu memulihkan tamadun Islam dapat diwujudkan.

Penceramah jemputan iaitu Pengarah Institut Penyelidikan Kesejahteraan Hidup, Universiti Islam Malaysia (UIM), Prof. Emeritus Dato' Dr. Sulaiman Md Yasin telah memberikan ceramah bertajuk Indeks Kesejahteraan Hidup dalam Konteks Masyarakat Madani.

Beliau telah menghuraikan beberapa teori dan konsep kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia. Pembentangan beliau juga menyentuh beberapa isu penting dalam pembentukan masyarakat sejahtera seperti indikator utama kesejahteraan hidup, dimensi pembangunan insan, indeks kesejahteraan hidup dan modul kesejahteraan hidup berdasarkan Maqasid Syariah. Selain itu, beliau turut menerangkan tentang aspek kesihatan.



Program sebegini dapat memberi manfaat kepada cendekiawan, ahli akademik serta ulama untuk pembangunan kerjaya sekali gus berperanan secara konsisten dalam masyarakat Islam dan dunia secara keseluruhannya.

Kursus Pengacaraan Kreatif Staf UniSZA 2016



Unit Latihan dan Kompetensi, Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Kursus Pengacaraan Kreatif Staf UniSZA pada 23-24 November 2016. Kursus ini diadakan di Dewan Auditorium Perpustakaan UniSZA Kampus Gong Badak. Seramai 19 orang peserta hadir ke kursus ini.

Kursus ini bertujuan meningkatkan kemahiran pengacaraan majlis. Selain dapat memupuk minat peserta, ianya juga mampu membina keyakinan diri yang tinggi dalam menjayakan sebarang bentuk pengacaraan majlis. Para peserta juga diberikan nafas baru dalam mencurahkan idea

dan kemahiran menyediakan teks pengacaraan yang betul.

Pada kursus kali ini, Encik Mohd Fadzil Abdillah bin Mohamad telah diberi kepercayaan oleh pihak penganjur untuk mengendalikan kursus ini. Beliau merupakan kakitangan Agensi Dadah Kebangsaan Cawangan Maran, Pahang. Pengalaman luas yang dimiliki oleh beliau dalam bidang pengacaraan majlis iaitu selama hampir 10 tahun, telah dapat mengembangkan lagi bakat yang dimiliki para peserta yang lain. Mereka telah mendapat pelbagai ilmu baharu dari segi teori dalam

pengacaraan majlis seperti kriteria pengacaraan majlis, teknik dan konsep pengacaraan, amalan protokol, teknik penyediaan teks dan teknik penyampaian. Selain itu, penceramah juga telah mengadakan sesi latihan amali dan praktikal untuk menilai dan memperbetulkan lagi kesilapan yang ada pada teknik pengacaraan para peserta.

Diharapkan ilmu yang dicurahkan oleh penceramah dapat menjadikan peserta lebih berkeyakinan dan versatil dalam mengendalikan majlis sama ada dalam UniSZA itu sendiri juga ke peringkat yang lebih tinggi.



Kursus Tahsin al-Quran



Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), UniSZA dengan kerjasama Yayasan Terengganu telah menganjurkan Kursus Tahsin al-Quran dan Perguruan Guru-Guru Tasmi' Imtiaz Terengganu pada 11-12 November 2016.

Program berlangsung di Dewan Auditorium Akademik, UniSZA Kampus Gong Badak melibatkan 180 peserta terdiri dari guru-guru tasmi' Imtiaz Terengganu.

Program julung kali diadakan ini bertujuan untuk menambah baik kualiti guru-guru tasmi' Imtiaz Terengganu dari sudut tahsin al-Quran, perguruan dan pembentukan sahsiah.

Para pensyarah dari Pusat Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan



Tamadun Islam serta Pusat Pengajian Usuluddin turut sama menjayakan kursus ini dengan dibantu oleh para pelajar Ijazah Sarjana Muda al-Quran dan al-Sunnah (Qiraat).

Pensyarah yang menyampaikan ceramah pada hari tersebut ialah Dr. Nor Hafizi Yusof dan Ustaz Mohd A'tarahim untuk modul tahsin al-Quran. Bagi modul perguruan pula, ceramah telah disampaikan oleh Dr. Mohd Sani Hj. Ismail, Ustaz Wan Ismail Wan Abdullah dan Ustaz Abdul Aziz Sulaiman.

Sebagai kesinambungannya, sebanyak lapan siri telah dirancang dan akan dilaksanakan empat kali setahun bagi memperbaiki bacaan al-Quran setiap peserta.

Wacana Perdana Fakulti Sains Sosial Gunaan

Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) telah menganjurkan Program Wacana Perdana dengan tajuk Menjalankan Penyelidikan atau Menyiapkan Tesis? pada 15 Disember 2016 bertempat di Dewan Auditorium Akademik, UniSZA. Antara agenda yang telah direalisasikan menerusi wacana ini iaitu meningkatkan keupayaan dan kemahiran pensyarah dalam aspek pembelajaran dan pengajaran khususnya melalui penulisan serta penghasilan tesis.

Wacana ini telah disampaikan oleh Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim yang berkongsi pengalaman beliau berkaitan penyelidikan. Ia bertujuan untuk mempersiapkan dan mendedahkan pelajar pascasiswazah dengan cara-cara menyiapkan tesis. Selain itu, para pelajar juga didedahkan dengan cabaran-cabaran dalam menyiapkan tesis berdasarkan pengalaman penceramah berkaitan penyelidikan kepada para pelajar pascasiswazah.

Ketika Ditemui, Dekan Fakulti Sains Sosial Gunaan menyatakan bahawa wacana sebegini perlu diteruskan dan dilaksanakan secara berkala agar para pelajar dan pensyarah mendapat latihan secara intensif. Penganjuran Wacana Perdana pada kali ini merupakan antara agenda fakulti bagi memperkasa tahap profesionalisme dan pengetahuan pensyarah berhubung penulisan dan kaedah penyelidikan. Ia juga secara tidak langsung memberi peluang kepada para pensyarah untuk menerokai kemahiran dan teknik baharu berkaitan kaedah penulisan latihan ilmiah serta memberi pendedahan kepada para pensyarah terhadap teknik-teknik penulisan latihan ilmiah yang sistematik dan pengurusan artikel yang efisien untuk membangun kredibiliti pensyarah dalam bidang penulisan latihan ilmiah.

Replika Kaabah, Hijr Ismail, Maqam Ibrahim dan Penanda Lampu Hijau Tarikan Utama Simulasi Ibadah Umrah UniSZA

Musim cuti sekolah cukup sinonim dengan program umrah dan ziarah ke Mekah. Selain itu, ia turut menjadi agenda tahunan bagi mereka yang telah dianugerahi rezeki kewangan dan kesihatan bagi merealisasikan hasrat untuk berkunjung ke Tanah Suci bagi menyempurnakan ibadah umrah dan ziarah.

Bersempena program Kembara Umrah dan Ziarah yang dianjurkan Pusat Islam UniSZA pada 11-22 Disember 2016, satu modul khas dibangunkan bertujuan mendedahkan ilmu berkaitan ibadah umrah bagi peserta dalam kalangan warga UniSZA dan komuniti luar. Tiga siri kursus telah disusun bagi menerapkan kefahaman tentang tatacara dan adab menunaikan umrah secara teori dan praktikal. Pada 26 November 2016, peserta didedahkan dengan program simulasi ibadah umrah.

Kursus ini dimulakan dengan taklimat dan penerangan ringkas perjalanan program diikuti dengan praktikal cara pemakaian kain ihram. Seramai 75 peserta dibimbing

untuk melakukan tawaf dan sa'ie dengan cara yang betul. Replika Kaabah, Hijr Ismail, Makam Ibrahim dan penanda lampu hijau yang disediakan oleh penganjur telah menarik minat peserta yang begitu teruja untuk merasai suasana sebenar ketika berada di Masjidil Haram.

Pembimbing kursus yang diketuai oleh Pengarah Pusat Islam, Dr. Mohd Shafiee Hamzah turut mengingatkan peserta agar berwaspada daripada melakukan perkara-perkara yang menyebabkan ibadah umrah tidak sah terutama semasa dalam ihram. Para sukarelawan daripada mahasiswa Fakulti Pengajian Kontemporari Islam turut terlibat dalam menjayakan program ini.

Rata-rata peserta yang hadir melahirkan rasa gembira serta mencadangkan agar program seperti ini diteruskan lagi pada masa akan datang agar tetamu yang dijemput ke Tanah Suci mendapat gambaran sebenar tentang perkara yang dibolehkan dan tidak boleh dilakukan sepanjang berada di sana.



FSSG Anjur Seminar Kesedaran Keselamatan Negara



Umat Islam hari ini dan generasi muda khususnya berdepan dengan pelbagai ancaman pemikiran dan cabaran semasa yang boleh menggugat akidah dan kestabilan keamanan sejagat. Justeru itu, Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Seminar Kesedaran Keselamatan Negara Berlandaskan Maqasid Syariah dan Ancaman Daesh pada 28 November 2016 bertempat di Dewan Auditorium Akademik, UniSZA Kampus Gong Badak.

Pengisian taklimat program ini menggunakan Modul Maqasid Syariah yang menjurus kepada usaha untuk memantapkan pengetahuan

dan pemahaman peserta mengenai konsep kenegaraan dan amalannya di Malaysia khususnya dalam konteks Perlembagaan Persekutuan.

Tujuan program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa dan generasi muda terhadap isu-isu keselamatan negara dan kaitannya dengan Maqasid

Syariah. Maqasid Syariah bermaksud hikmah di sebalik pensyariaan hukum atau manfaat yang disasarkan untuk dicapai oleh syariah, sama ada dengan membenarkan atau melarang sesuatu perkara. Maqasid dibahagikan kepada matlamat dunia serta akhirat. Matlamat-matlamat ini seterusnya dibahagikan kepada pemeliharaan manfaat dan penghindaran kemudaratan.

Sementara itu, setiap undang-undang, termasuk Perlembagaan Malaysia pada asasnya bermatlamat untuk memelihara masalah dan menghindarkan kemudaratan. Hal ini dizahirkan melalui peruntukan-peruntukan tertentu yang terkandung di dalamnya. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa persoalan penting

yang perlu diberikan perhatian. Pertama, adakah peruntukan berkenaan menepati sepenuhnya kehendak maqasid? Kedua, adakah tafsiran peruntukan-peruntukan berkenaan dilakukan dengan bersendikan agama atau sebaliknya? Umat Islam hari ini dan generasi muda khususnya berdepan dengan pelbagai ancaman pemikiran dan cabaran semasa yang boleh menggugat akidah dan kestabilan keamanan sejagat.

Sesi pertama program ini telah disampaikan oleh En. Idris Haji Abdul Hamid, Penyelidik di Majlis Keselamatan Negara (MKN), Putrajaya manakala sesi kedua pula telah disampaikan oleh Tim. Ketua Cawangan Khas 1, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu, Supritendan Mohd Hairuddin Che Hamid.

Timbalan Dekan HEPA FSSG, Dr. Norsuhaily Abu Bakar merangkap pengarah program merakamkan jutaan terima kasih kepada MKN di atas tajaannya untuk menjayakan program ini dan PDRM atas kesudian mereka berkongsi ilmu berkaitan ancaman Daesh.





Kerelevanan Sastera Terhadap Negara dan Tamadun Sasterawan Negara Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh

Kesusasteraan Melayu merupakan antara bidang ilmu yang penting untuk dipelajari oleh para pelajar bermula daripada peringkat sekolah rendah. Karya sastera Melayu klasik merupakan khazanah yang amat berharga untuk menzahirkan keutuhan budaya dan tamadun masyarakat Melayu. Namun, realiti ini kian dipandang sepi oleh masyarakat Melayu sendiri. Bidang pengajian Kesusasteraan Melayu hanya dijadikan sebagai bidang sampingan dalam pemilihan bidang pengajian bagi generasi muda hari ini. Kebanyakan masyarakat Melayu kurang peka terhadap keindahan dan kepentingan kesusasteraan Melayu dalam kehidupan. Akhirnya karya-karya agung Kesusasteraan Melayu terpinggir tanpa dimanfaatkan sebaiknya dalam proses pembangunan budaya dan bangsa.

Fenomena tidak sihat ini menjadi tumpuan Sasterawan Negara, Prof. Emeritus. Dr. Muhammad Haji Salleh dalam Syarahan Akademik bertajuk Kerelevanan Sastera Terhadap Negara dan Tamadun. Syarahan ini telah dianjurkan oleh Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), UniSZA pada 20 November 2016 bertempat di Dewan al-Muktafi Billah Shah, UniSZA Kampus Gong Badak.

Penganjuran syarahan ini bertujuan memberi kesedaran kepada hadirin tentang kepentingan memperkasakan kesusasteraan Melayu pada zaman moden kini. Penjelasan tentang kepentingan kesusasteraan Melayu dalam usaha membentuk jati diri bangsa dan negara perlu terus diadakan sebelum khazanah berharga ini pupus ditelan zaman. Selain itu, syarahan ini juga dianjurkan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan berkaitan kesusasteraan Melayu kepada para hadirin yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan bidang pendidikan.

Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh semasa

ucapannya menyarankan agar teks kesusasteraan Melayu klasik seperti *Sulalatus Salatin* dibaca dan dibincangkan secara ilmiah kerana karya tersebut merupakan sebuah karya yang amat baik untuk menggambarkan ketinggian nilai ilmu yang terdapat dalam karya kesusasteraan Melayu. Menurut beliau lagi, *Sulalatus Salatin* yang dikarang oleh Tun Sri Lanang merupakan sebuah karya yang memahat sejarah kebangkitan, kegemilangan dan kejatuhan zaman Kesultanan Melayu Melaka. Selain memaparkan aspek sejarah, karya agung ini turut merakamkan adab dan adat masyarakat Melayu yang boleh dijadikan panduan hidup masyarakat hari ini.

Pada masa yang sama, beliau menekankan bahawa kesusasteraan Melayu bukan hanya untuk orang Melayu tetapi untuk masyarakat Malaysia keseluruhannya. Kepelbagaian bangsa dan etnik keturunan di Malaysia tidak boleh dijadikan penghalang untuk setiap warganegara mengetahui dan mempelajari Kesusasteraan Melayu.

Program ini dihadiri oleh 900 orang peserta yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar FBK, para pelajar daripada fakulti lain serta masyarakat setempat khususnya penggiat kesenian dan kesusasteraan di negeri Terengganu.

Majlis penutup syarahan ini telah disempurnakan oleh Dekan FBK, Prof. Dato' Dr. Haji Mohamed Anwar Omar Din. Rata-rata pelajar memberi respons yang baik terhadap inti pati syarahan yang telah disampaikan dan bertekad untuk turut serta memartabatkan kesusasteraan Melayu kerana bidang ilmu ini kekal relevan terhadap pembentukan negara dan tamadun.



MESYUARAT BENDAHARI-BENDAHARI UNIVERSITI AWAM BIL. 1/2017 (KALI KE -79)

UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
11 JANUARI 2017



UniSZA Tuan Rumah Mesyuarat Bendahari- Bendahari Universiti Awam (MBBUA) Kali Ke-79

Pejabat Bendahari UniSZA menjadi tuan rumah untuk kali kedua dalam Mesyuarat Bendahari-Bendahari Universiti Awam (MBBUA) kali ke-79 pada 11 Januari 2017 di Kampus Gong Badak, Kuala Nerus. Sebelum ini, UniSZA pernah menjadi tuan rumah untuk MBBUA sejak penubuhannya pada tahun 2006. MBBUA yang dianggotai oleh 20 buah universiti awam Malaysia menjadi platform utama para bendahari berkongsi kepakaran, pengalaman dan membina rangkaian dalam memantapkan pengurusan kewangan. MBBUA dipengerusikan oleh Puan Haliza Harun, bendahari Universiti Malaya bagi membincangkan isu semasa berkaitan pemudahcara antara KPT dengan universiti awam, pengurusan dan kemampuan kewangan, penjaan pendapatan serta isu teknikal dalam pengurusan kewangan.



Seminar Sitasi dan Hak Cipta Penerbitan 2017



Penerbitan karya ilmiah amat berkait rapat dengan isu-isu sitasi dan hak cipta yang memberi kesan besar kepada penarafan sesebuah universiti. Ini kerana ia merupakan penentu kepada kewibawaan dan keyakinan masyarakat sejagat terhadap sesebuah universiti. Justeru, perolehan maklumat dan kefahaman mendalam mengenainya adalah mandatori. Menyedari kepentingan ini, Penerbit UniSZA telah menganjurkan Seminar Sitasi dan Hak Cipta Penerbitan 2017 pada 12 Mac.

Seminar yang diadakan di Dewan Perdana ini telah dirasmikan oleh Penolong Naib Canselor, Prof. Dr. Mohd Afandi Muhamad. Beliau dalam ucapan perasmiannya menekankan bahawa penerbitan ilmiah bukan sahaja wadah penyebaran ilmu yang sangat penting, tetapi juga merupakan batu loncatan untuk kemajuan kerjaya seseorang ahli akademik.

Ceramah tentang sitasi disampaikan oleh Pengarah Pusat Sitasi Malaysia (PSM), Prof. Madya Dr. Zuraidah Abd. Manaf. Beliau merupakan pakar dalam bidang tersebut berkongsi maklumat tentang pengurusan jurnal dan pengindeksan serta impak faktor dan sitasi. Antara faktor

penting yang menyumbang kepada keternampakan akademik ini ialah sitasi dan impak faktor. Betapa bagus sekalipun sesebuah tulisan itu, namun ia tidak bermakna andainya tidak dirujuk atau dipetik. Ini kerana ia berkait rapat dengan penyebaran, ketercapaian dan pengiktirafan kerja-kerja keserjanaan yang dihasilkan oleh ahli-ahli akademik.

Ceramah tentang hak cipta penerbitan pula disampaikan oleh Pengarah Copyright and Layout Designs of Integrated Circuit Division dari Perbadanan Harta Intelek Malaysia, En. Mohamed Fairuz Mohd Pilus. Menurut beliau, harta intelek adalah sesuatu penghasilan daripada kreativiti minda atau intelektual manusia;

perekaciptaan; karya sastera; karya seni dan karya muzik; simbol imej dan reka bentuk yang digunakan dalam perdagangan. Hak cipta pula ialah hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang kepada pemilik karya bagi satu tempoh tertentu dan hak ini merujuk kepada hak bagi mengawal sesuatu karya.

Penganjuran seminar ini mendapat maklum balas positif daripada para peserta yang hadir. Banyak maklumat baharu yang diperolehi hasil daripada kedua-dua ceramah berkenaan.



المخيم اللغوي 1، 7102م : "عش عزيزا بلغة القرآن"

بالإضافة إلى ذلك، يجب على كل من شارك من المحاضرين والطلاب أن يتكلموا باللغة العربية خلال المخيم حيث شعاره "عش عزيزا بلغة القرآن". وقد تم تنفيذ الأنشطة اللغوية الممتعة لهذا المخيم منها "ما أحسن فريقنا"، "أنشودة النحو" و"جولة ابتكارية" وغيرها. أما الحفلة الختامية للمخيم فقد عقدت في قاعة فردانا في 21 من يناير 2017م. وحضر فيها عميد الكلية السيد المحترم بروفيسور داتوء الدكتور محمد أنوار بن عمر دين. وسبق أن أعرب العميد في كلمته عن دعمه بشكل كامل على إقامة هذا المخيم فضلا عن اقتراحه بفتح باب المشاركة المجتمعية في هذا المخيم في المستقبل.

قاعة فردانا- يناير- أقام قسم اللغة العربية بكلية اللغات والاتصال بجامعة السلطان زين العابدين المخيم اللغوي الأول للمرة الثالثة. يهدف هذا المخيم إلى تنمية المهارات اللغوية الأربعة وهي الاستماع والكلام والقراءة والكتابة. واستغرق المخيم سبعة أيام بدءا من 15 حتى 21 من يناير 2017م.

ومن الجدير بالذكر، أن المخيم اللغوي الأول هو مادة من المواد الأساسية في البكالوريوس في دراسات اللغة العربية لطلاب الفصل الدراسي الرابع.

واشترك فيه 137 طالبا وطالبة مشاركين كما اشترك المحاضرون بالتدريب والتحكيم للنشاطات طوال المخيم بمساعدة لجنة المهام الخاصة. تتكون هذه اللجنة من بعض الطلبة من الفصل الدراسي السادس.

Bengkel Spesifikasi Manuskrip 2017

Penghasilan dan penerbitan karya ilmiah merupakan salah satu antara peranan penting yang menjadi fokus utama sesebuah Universiti Awam (UA) selain daripada Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta penyelidikan. Sesebuah UA bukan hanya bertanggungjawab untuk melahirkan graduan berkemahiran tinggi dalam pelbagai bidang, tetapi juga merupakan pemangkin dalam usaha melahirkan para sarjana yang menjadi pakar rujuk dalam pelbagai bidang ilmu.

Justeru, sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab yang diberi amanah untuk membantu ahli akademik menerbitkan pelbagai karya ilmiah, Penerbit UniSZA mengambil langkah proaktif untuk melaksanakan amanah tersebut.

Bengkel Spesifikasi Manuskrip telah dijalankan pada 11 Januari bagi membuka tirai tahun 2017. Bengkel yang diadakan di Dewan Auditorium Perpustakaan ini memfokuskan kepada 16 manuskrip dalam pelbagai bidang terutamanya undang-undang, pengajian Islam dan sains sosial.

Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh Ahli Lembaga Penerbitan UniSZA, Prof. Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. Beliau banyak berkongsi pengalaman menghasilkan pelbagai jenis karya ilmiah bersama para penulis. Selain itu, tip penulisan turut diberikan.

“Untuk menulis, penulis perlu mempunyai perancangan yang teliti dan penggunaan masa yang optimum. Tidak dinafikan, proses menulis agak sukar pada peringkat permulaan. Tetapi dengan praktis yang berterusan, lama-kelamaan kemahiran menulis dapat dikuasai dengan lebih baik.”

Para penulis diberi taklimat dan bantuan secara langsung oleh kakitangan Penerbit UniSZA untuk mengemas kini manuskrip masing-masing. Selain itu, interaksi dua hala dengan pihak penerbit banyak membantu para penulis mendapatkan maklumat yang dapat membantu mereka menyiapkan manuskrip masing-masing.



Visit Beautiful Terengganu 2017: Envisioning Place Branding of Kuala Terengganu as Coastal Heritage City

Muhamad Fazil Ahmad, Ph.D.
mfazilahmad@unisza.edu.my

The World Trade Organisation (WTO) reported that the travel and tourism industry has become one of the main contributors to the economic development of many countries. In Malaysia alone, the travel and tourism industry has brought in approximately 13 million (13,032,775) tourists in the first half of 2016 compared to 12.5 million (12,567,300) tourists in 2015. Realising the importance of the tourism industry towards the country's economy, many countries have allocated a budget for place branding research. Place branding, one of the segments in destination branding, is a complex process of branding an entire country or a part of it.

Branding is today often considered a key priority for many companies in order to stay competitive in the market. Branding can be defined as the way in which an organisation manages their brand and requires a long-term participation of both skills and resources (Markides & Williamson 1996; Keller et al. 2000; Parameswaran & Jacob 2011). The expression 'place brand' refers to a place and to its competition in the area of developing a reputation among investors, residents, tourists and other resources (Kavaratzis 2005). The process of considering a brand is a conceptual unit that creates unique, positive and recognisable relations (Braun, Kavaratzis & Zenker 2013). The place brand involves creating and maintaining these relations. An organisation can use branding in order to identify and differentiate itself from competitors. It is a way to ensure quality and honesty, identify the ownership and to hold the producer responsible for their actions. Branding is also an essential component in the process of building a strong brand image and to create brand awareness, moreover it may increase marketing communication effectiveness, improve perceptions of product performance and create customer loyalty (Keller 2009; Aaker 2012).

Program ini merupakan satu bentuk pameran kesenian pelajar FRIT dalam subjek lukisan dan fotografi, anjuran Pusat Pengajian Rekabentuk Perindustrian dengan kerjasama Industry Design Club (IDEC), FRIT. Objektif penganjuran program ini adalah untuk mempamerkan hasil kerja dan kreativiti seni pelajar kepada masyarakat kampus, masyarakat sekitar dan pelajar sekolah yang berminat, serta melahirkan karyawan muda yang berminat dan menghargai nilai seni sebagai aset negara yang berharga.

Seramai 50 orang pelajar semester satu program Ijazah Sarjana Muda dan 41 orang pelajar program Diploma Reka Bentuk Perindustrian FRIT terlibat dalam mempamerkan hasil lukisan mereka dengan pelbagai teknik seperti penggunaan akrilik, charcoal, cat air dan cat minyak. Konsep 3 Dimensi ditonjolkan untuk menguji kecekapan pelajar dalam membina struktur imej. Pelajar juga didedahkan




dengan kaedah melukis dengan memahami perspektif, renungan simetri (symmetrical reflection), bentuk dan bayang-bayang (form dan shadow).

Manakala 52 orang pelajar semester tiga pula terlibat mempamerkan gambar yang dirakam di Pulau Pinang mengikut subjek fotografi yang telah ditetapkan oleh pensyarah berasaskan teknik penggunaan kamera, pemilihan sudut, artistik dan kemahiran memfokus yang betul. Penekanan diberikan kepada pelajar supaya berkeyakinan dalam setiap rakaman gambar dengan mengambil kira perkara seperti perspektif, *rule of thirds*, *balance*, *framing*, *lighting*,

foreground dan background focusing. Aktiviti rakaman fotografi ini dibuat selama tiga hari ini dibantu oleh En. Mohd Seabri Bilal Endut. Program ini diselenggarakan oleh Prof. Madya Dr. Abdullah Sani Kamaluddin.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Dekan FRIT, Dr. Siti Maryam Sharun. Turut hadir, Timbalan Dekan (HEPA) Dr. Imran Abdullah, Ketua Pusat Pengajian Teknologi Pembuatan, Pn. Nur Haiza Mat Yaakob @ Ariffin, para pensyarah, serta pelajar yang terlibat. Program ini merupakan acara tahunan FRIT dalam merintis dan memartabatkan nilai seni tanah air tercinta.



Pelancaran Produk Makanan Baharu FBIM kali yang ke-7

Pusat Pengajian Industri Makanan, Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) telah menganjurkan Program Pelancaran Produk Makanan Baharu kali ke-7 pada 14 Disember 2016 bertempat di Dataran Blok F4, FBIM, UniSZA Kampus Besut. Program ini merupakan hasil kerja salah satu kursus wajib yang perlu disertai oleh pelajar tahun akhir program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makanan sebagai syarat pengijazahan.

Selain memenuhi syarat wajib, tujuan penganjuran program ini adalah untuk memberi pengalaman kepada pelajar mengeluarkan produk sendiri bermula daripada proses penajaan idea sehingga ke pelancaran produk makanan baharu. Pemenang pertandingan ini akan mewakili UniSZA dalam pertandingan Malaysia Institute of Food Technology (MIFT) 2017 yang akan diadakan di Taylor's University,

Kampus Lakside, Kuala Lumpur pada Mac 2017.

Enam kumpulan pelajar telah mendaftar produk masing-masing untuk pertandingan berkenaan, iaitu Kimco Nougat, Green Noodle, Pumpkin Hash Brown, Chew-“nOm”, RF' Choc dan Pumpito. Juri jemputan bagi menilai produk makanan ini terdiri daripada wakil daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia serta ahli akademik dari UniSZA.

Keputusan pertandingan serta maklumat produk yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

Kategori	Jenama Produk	Maklumat Produk
Tempat Pertama	RF' Choc	Bahan-bahan utama ialah rambutan yang disalut dengan lapisan koko. Produk ini dihasilkan bertujuan memanjangkan jangka hayat buah yang bermusim seperti rambutan dan ia telah menjalani rawatan dehidrasi osmotik dan dipercayai boleh disimpan lama pada suhu bilik.
Tempat Kedua	Chew-“nOm”	Merupakan produk makanan ringan yang kaya dengan sumber protein. Ia diperkenalkan untuk menggantikan sumber ikan dalam pemprosesan jerky. Chew-“nOm” yang diperbuat daripada sumber sayuran dan buah-buahan seperti jantung pisang, cendawan tiram dan isi pisang bertujuan memberi tekstur seperti daging dalam produk di samping menyumbang sumber protein.
Tempat Ketiga	Green Noodle	Merupakan mi segera berperisa. Ia diperbuat daripada doh tepung gandum yang pracampur dengan serbuk sayur kangkung, potongan lobak merah dan cendawan butang. Produk ini berkonsepkan mudah kerana ia hanya perlu dimasak dalam air mendidih selama lima minit sahaja tanpa dimasukkan perisa, sayur-sayuran dan daging tambahan.

Majlis penyampaian hadiah serta penutup telah disempurnakan oleh Pengarah Kampus Besut, Prof. Madya Dr. Khamsah Suryati Mohd. Turut hadir ialah para pensyarah Fakulti Biosumber dan Industri Makanan serta wakil media dari Berita Harian dan Radio Televisyen Malaysia (RTM).



JPP UniSZA ke UniMAP



Jabatan Pengurusan Pembangunan (JPP) merupakan jabatan yang bertanggungjawab terhadap infrastruktur dalam kawasan UniSZA. JPP dibahagikan kepada lapan bahagian penting iaitu Unit Pentadbiran, Kewangan dan Logistik; Unit Sivill; Unit Mekanikal; Unit Elektrik; Unit Ukur Bahan; Unit Landskap; Unit Penyelenggaraan dan Unit Arkitek.

Unit-unit ini merupakan tonggak utama dalam pelaksanaan pembinaan UniSZA di kawasan Kampus Gong Badak, Kampus Perubatan dan Kampus Besut. Di bawah seliaan pengarah, Ir. Haji Mohd Yasim A. Ghani, JPP telah mengorak langkah untuk menjadi lebih cemerlang serta lebih menjurus kepada penambahbaikan infrastruktur UniSZA.

Rentetan daripada itu, pada 23-25 Disember 2016, satu lawatan kerja telah dilakukan oleh JPP UniSZA ke Jabatan Pembangunan serta Institut Agroteknologi Lestari, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Seramai 40 orang peserta daripada pelbagai unit telah menyertai lawatan kerja tersebut. Lawatan kerja ini diketuai oleh Arkitek Kanan JPP, Encik Zaafindi Zawawi.

Fokus utama lawatan di Jabatan Pembangunan, UniMAP adalah untuk melihat konsep yang digunakan dalam pembinaan asrama UniMAP untuk diterapkan dalam pembinaan asrama pelajar di UniSZA.

Semasa di Institut Agroteknologi Lestari, UniMAP, peserta lawatan dapat melihat cara semaian benih yang baharu serta lebih cepat untuk digunakan pada landskap di seluruh kawasan UniSZA.

Lawatan ini secara tidak langsung dapat bertukar-tukar pendapat serta pandangan cara kerja dengan Jabatan Pembangunan, UniMAP demi menambah baik operasi JPP UniSZA. Pengisian program ini telah dirangka dengan teliti bagi mencapai objektif penganjurannya. Program seumpama ini bakal membawa nama UniSZA ke persada yang lebih tinggi untuk berdaya saing seiring dengan Institusi pengajian tinggi yang lain.





Pembangunan Ladang Buah-buahan Komersial Pasir Akar

Berkeluasan 200 ekar, Ladang Pasir Akar telah dibuka secara rasminya pada tahun 2012. Ladang ini terletak di Kampung Bukit Marak, Mukim Pasir Akar dalam daerah Besut. Lokasi ini dipilih kerana kedudukannya yang strategik dan mempunyai jenis tanah yang subur untuk dijadikan kawasan pertanian.

Ladang Pasir Akar dibahagikan kepada dua fasa pembangunan. Fasa satu ialah Pembangunan Ladang Ternakan manakala fasa dua pula ialah Pembangunan Ladang Buah-Buahan dan Pastura. Fasa satu dibangunkan pada tahun 2012 merangkumi pembinaan pagar perimeter, dua kandang kambing dan kawasan pastura berkeluasan 86.5 ekar. Fasa dua pula mula dibangunkan pada tahun 2015 merangkumi pembersihan kawasan seluas 113.5 ekar dan pembinaan fasiliti dan kemudahan seperti rumah pengawal, asrama pelajar, kandang lembu, kandang kambing dan menara tinjau di kawasan

fasa satu.

Bermula pada 1 Januari 2016, Institut Kajian Pengeluaran Pertanian dan Inovasi Makanan (AGROPOLIS UniSZA) mula giat menjalankan kerja-kerja pembangunan Ladang Buah-buahan Komersial di kawasan fasa dua. Ladang Buah-buahan Komersial yang sedang dibangunkan ini merangkumi kawasan seluas 40 ekar dan akan dipenuhi dengan buah-buahan yang bernilai komersial tinggi seperti durian varieti Musang King (*Durio Zibertinus*), Nangka Varieti J33 (*Artocarpus Heterophyllus*), Durian Belanda (*Annona Muricata L*), Ciku Varieti Subang (*Manilkara Archas*), Longan (*Dimocarpus Longan*) dan Salak Tempatan (*Salasa Adulis*).

Kerja-kerja pembangunan ladang ini diketuai oleh Pengarah AGROPOLIS UniSZA, Dr. Abd Jamil Zakaria dan dibantu oleh Ketua Bahagian Ladang, En. Mohd. Rohaizad Md. Rejab serta beberapa orang staf AGROPOLIS

UniSZA. Sehingga ini, sebanyak 40 anak benih durian telah ditanam di ladang tersebut dan dijangkakan meningkat sehingga 200 anak benih sehingga penghujung tahun ini. Ladang buah-buahan ini dilengkapi dengan sumber pengairan 'micro tubing' dengan tujuan menjadikan pengurusan air lebih efektif dan jimat.

Ladang buah-buahan yang diilhamkan oleh Pengarah AGROPOLIS UniSZA ini bukan sahaja mampu menjana pendapatan universiti pada masa hadapan, malah ia akan menjadi tarikan kepada komuniti sebagai lokasi 'agrotourism' apabila tiba musim buah-buahan. Selain itu, ladang ini juga akan menjadi satu pusat pengeluaran anak benih buah-buahan di samping penghasilan buah-buahan tempatan. Hal ini akan memberi impak kepada UniSZA sebagai hub pengeluaran buah-buahan tempatan dan anak benih buah-buahan.

Karnival Penyelidikan dan Komuniti

Pejabat Pengarah Kampus Besut (PPKB) telah mengadakan Karnival Penyelidikan dan Komuniti 2016 pada 6-7 November 2016, bertempat di Blok D, Fakulti Informatik dan Komputeran, UniSZA Kampus Besut. Karnival ini diadakan untuk memperkasakan hubungan dua hala warga UniSZA dan komuniti setempat. Selain itu, karnival ini bertujuan untuk mempamerkan hasil penyelidikan oleh warga akademik UniSZA di samping meningkatkan jaringan kerjasama serta membina ikatan silaturahim antara warga UniSZA dengan komuniti.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang penganjuran karnival ini antaranya ialah pameran penyelidikan dan komuniti, gerai jualan, program i-Sihat meliputi aktiviti derma darah dan pemeriksaan kesihatan percuma, sukan rakyat bersama komuniti, pertandingan menyediakan kuih tradisional, pertandingan memancing, futsal, bola tampar, taklimat kemasukan ke UniSZA dan program motivasi pelajar sekolah Parlimen Besut.

Pertunjukan ular oleh Besut Reptiles Owner (BRO) turut memeriahkan program yang berlangsung selama dua hari ini. Selain pameran oleh PTJ di UniSZA, agensi-agensi lain turut menyertai pameran seperti Tabung Haji, Persatuan Ibu Tunggal, Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK), Askar

Wataniah, Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Majlis perasmian karnival telah disempurnakan oleh Ahli Dewan Negara, Senator Engku Hajah Naimah Engku Taib. Turut berlangsung pada majlis perasmian ini ialah Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Pengkomersialan Produk Kelulut antara UniSZA dan YMR International Marketing Sdn. Bhd.. Majlis ini disempurnakan oleh Naib Canselor UniSZA, YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif yang mewakili UniSZA dan Pengarah Urusan YMR International Marketing Sdn. Bhd., En. Mohd Yusof Ismail, sambil disaksikan oleh Senator, Pengarah Kampus Besut, Pengarah Agropolis dan Pengurus YMR International Marketing Sdn. Bhd.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah bagi acara-acara sukan pula telah disempurnakan oleh Pengarah Kampus Besut, Prof. Madya Dr. Khamsah Suryati Mohd. Karnival ini amat sesuai dijadikan program tahunan PPKB bagi memupuk hubungan yang lebih erat antara warga UniSZA dengan komuniti setempat. Sokongan dan komitmen yang diberikan oleh semua pihak menjadi tunjang kepada pelaksanaan program seterusnya memberi manfaat kepada semua pihak.



Kempen Derma Darah



Satu kempen derma darah telah diadakan selama dua hari bermula 12-14 Disember 2016 di Foyer Kolej Kediaman UniSZA. Kempen ini telah dianjurkan oleh Unit Tabung Darah Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) dengan kerjasama Kolej Kediaman UniSZA.

Tujuan utama kempen ini diadakan adalah untuk menampung keperluan semasa Tabung Darah HSNZ. Hal ini bukan sahaja memberi kebaikan kepada HSNZ, malah memberi kebaikan kepada penderma juga. Melalui aktiviti ini, penderma dapat meningkatkan tahap kesihatan, terutamanya kepada individu yang mempunyai masalah obesiti. Selain itu, penderma juga dapat menangani ancaman kanser, membakar kalori dan meningkatkan pengeluaran sel darah baharu.

Berdasarkan statistik dalam laman sesawang rasmi Unit Tabung Darah HSNZ, negeri Terengganu memerlukan sekurang-kurangnya 40 orang penderma setiap hari sepanjang tahun bagi menampung keperluan darah. Minimum penyimpanan stok darah oleh Unit Tabung Darah adalah untuk penggunaan seminggu. Jika penggunaan darah seminggu ialah 250 unit, maka Unit Tabung Darah akan memastikan stok darah semasa melebihi 250 unit. Ini bagi memastikan stok darah mencukupi untuk kegunaan kes perdarahan kecemasan yang teruk.

Kempen derma darah sebegini sentiasa menerima sambutan yang menggalakkan dalam kalangan mahasiswa dan staf UniSZA setiap kali ia diadakan. Seorang penuntut UniSZA yang ditemui berkata, kempen yang dianjurkan merupakan platform terbaik untuk membantu mereka yang memerlukan darah dan beliau terpenggil untuk menjalankan tanggungjawabnya sebagai rakyat Malaysia yang prihatin.

“Menderma darah dengan konsisten merupakan cara saya berbakti kepada masyarakat sekeliling kerana kita sedia maklum betapa pentingnya darah kepada mereka yang memerlukan terutama sekali mangsa kemalangan, pesakit kronik dan sebagainya,” jelasnya.

Tahun	Jumlah Kasar Penderma
2014	17,000
2015	18,000
2016	19,000

Sumber: Unit Tabung Darah HSNZ



Pemeriksaan Kesehatan Pascabanjir

Pusat Kesehatan Pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (PKP UniSZA) bersama Pusat Kesehatan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Pusat Kesehatan Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah mengadakan pemeriksaan kesihatan pascabanjir pada 7-8 Januari 2017. Program ini diadakan di Sekolah Menengah Bukit Guntong, Sekolah Kebangsaan Banggol Peradong dan Sekolah Kebangsaan Kampung Bukit. Sepanjang program ini berlangsung, sesi kaunseling bersama mangsa banjir juga diadakan bagi memulihkan semangat mereka.

Selain daripada pemeriksaan kesihatan, mangsa banjir turut diberi maklumat tentang langkah-langkah penjagaan kesihatan yang perlu diambil ketika banjir. Ini bertujuan untuk mengelakkan penyakit berjangkit yang menular akibat persekitaran dan penggunaan air yang tidak bersih. Gotong-royong membersihkan kawasan penempatan mangsa banjir juga dilaksanakan oleh kakitangan PKP.

Semua kakitangan PKP serta sukarelawan yang terlibat memberikan maklum balas yang positif kerana program sebegini dapat memupuk nilai-nilai perikemanusiaan.



UniSZA Terima Zakat Bernilai RM185,000



Pada 11 Disember 2016, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menerima sumbangan zakat daripada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM), Etiqa Takaful Berhad, Maybank Islamik Berhad dan Bank Rakyat dalam Majlis Penyerahan Zakat. Sumbangan zakat tersebut masing-masing berjumlah RM40,000, RM120,000, RM15,000, dan RM10,000 menjadikan kesemuanya RM185,000.

“Pelajar yang dipilih untuk menerima wang zakat ini telah melalui proses saringan maklumat peribadi dan temu duga panel penilai zakat UniSZA. Ini bertujuan memastikan bahawa mereka benar-benar layak menerima zakat ini,” ujar Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato’ Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif ketika menyampaikan ucapan perasmian majlis tersebut. Beliau turut bersyukur dan berterima kasih atas

keprihatinan dan sumbangan MAIDAM serta badan-badan korporat lain dalam usaha membantu meringankan beban kewangan para pelajar berkenaan bagi meneruskan kelangsungan pengajian mereka.

Turut hadir pada majlis ini ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Nik Wan Omar, Ketua Pegawai Eksekutif Wilayah Pantai Timur Etiqa Takaful Berhad, En. Rohaizad Abd. Rahman, Pengurus Cawangan Maybank Islamik Kuala Terengganu, En. Sudirman Husien dan Ketua Penolong Setiausaha Pengurusan Zakat MAIDAM, En. Nazli Amirri Ngah serta Penolong Pengurus Bank Rakyat Cawangan Gong Badak, En. Muaz Razzie Roslan.



Jelajah Kepimpinan Mahasiswa Kerja Sosial ke UUM

Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) mengadakan program Jelajah Kepimpinan ke Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 7-9 November 2016. Program ini merupakan lanjutan daripada program Jelajah Kepimpinan Mahasiswa Kerja Sosial yang pernah diadakan pada tahun sebelumnya. Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa tentang peranan institusi dalam perkhidmatan dan kebajikan sosial. Menerusi program ini, mahasiswa berpeluang untuk berkongsi ilmu dan pengalaman dengan ahli akademik, badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta agar dapat mempraktikkan ilmu dan kemahiran yang diperoleh apabila

melangkah ke alam pekerjaan.

Program ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk berkhidmat kepada masyarakat dan mengukuhkan rangkaian sosial antara institusi. Konsep 'Jelajah Kepimpinan Mahasiswa Kerja Sosial' dapat dijadikan satu anjakan paradigma untuk melahirkan mahasiswa yang cemerlang dalam akademik, kemahiran kerja berpasukan, dan penglibatan diri bersama komuniti.



FUHA Terima Kunjungan Delegasi Fakulti Syariah dan Undang-Undang UNISSA



Pada 22-26 Januari, Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa, (FUHA) UniSZA telah dikunjungi oleh delegasi daripada Fakulti Syariah dan Undang-Undang (UNISSA) Universiti Islam Sultan Syarif Ali, Brunei Darussalam. Lawatan ini disertai oleh seramai 22 orang mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang serta dua orang pensyarah pengiring. Ini merupakan kunjungan balas terhadap lawatan yang telah dibuat oleh Persatuan Mahasiswa Hubungan Antarabangsa UniSZA (IRiSS) pada Februari tahun lalu. Antara objektif utama lawatan ini diadakan adalah untuk berkongsi pendapat serta bertukar-tukar pandangan dalam bidang undang-undang dan hubungan antarabangsa, di samping memperkukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua buah universiti.

Sepanjang program lawatan, banyak aktiviti yang telah dijalankan oleh para pelajar FUHA dan UNISSA. Antaranya ialah aktiviti yang

berteraskan khidmat masyarakat dan kesukarelawanan di Sekolah Kebangsaan Ru Rendang, Marang, Terengganu. Para pelajar ditugaskan untuk mengecat dinding sekolah, melukis mural dan membina pagar di sekeliling kebun sekolah.

Para peserta program turut dibawa mengunjungi Butik Noor Arfa, di Kuala Ibai bagi meninjau dengan lebih dekat

proses pembuatan batik. Setelah mendengar penerangan proses pembuatan batik dari awal hingga akhir, para peserta diberi peluang untuk mewarnakan batik. Rata-rata peserta mengakui bahawa proses pembuatan batik bukan satu perkara mudah dan memerlukan tumpuan yang amat teliti bagi menyiapkannya.



Program Travelog Ilmu dan Bakti Siswa (BAKSIS) 2017 Pupuk Nilai Kemanusiaan

Sekretariat Rakan Muda UniSZA dengan kerjasama Angkatan Sukarelawan Asas Sejahtera (ASAS) menganjurkan Program Travelog Ilmu dan Bakti Siswa (BAKSIS) pada 10-17 Januari bertempat di Perkampungan Islam Kemboja dan Vietnam. Program ini berlangsung selama tiga hari di Kemboja dan empat hari di Vietnam. Program ini disertai oleh 30 orang peserta yang terdiri daripada ahli Sekretariat Rakan Muda dan diiringi oleh dua pengiring.

Program bertemakan *serve for community* ini bertujuan untuk memupuk nilai kemanusiaan serta meningkatkan jati diri pelajar. Beberapa daerah terlibat dalam misi kemasyarakatan ini termasuklah Kampung Braibis, Wilayah Chnang.

Pelbagai aktiviti dijalankan seperti sukaneka, pengagihan keperluan asas, pakaian dan agihan daging lembu. Program ini mendapat perhatian Menteri di Jabatan Perdana Menteri Kemboja yang turut hadir merasmikan Pusat Imam di kampung tersebut.

Sebanyak 18 unit pam air telah disumbangkan kepada penduduk kampung. Ini merupakan hasil sumbangan masyarakat Malaysia untuk kemudahan penduduk tempatan bagi mendapatkan bekalan air.

Sementara itu di Vietnam, program bermula dengan peserta menyampaikan sumbangan berbentuk keperluan harian seperti beras, gula, minyak masak serta wang tunai sebanyak USD 100 kepada setiap pelajar Maahad Anuar District 8 di Ho Chi Minh. Pihak UniSZA juga menyampaikan cenderahati kepada peserta sebagai tanda kenangan.

Pengarah program, Wan Mohammad Mustaqim Wan Mohammed Nazili yang juga presiden Sekretariat Rakan Muda UniSZA menyatakan bahawa peranan seorang sukarelawan bukan mudah kerana setiap yang dilakukan mesti bermula dengan niat yang betul. Beliau juga berharap agar program yang memberi manfaat kepada kehidupan masyarakat sejagat seperti ini dapat diteruskan.



MoU UniSZA dan Politeknik Kesihatan Kementerian Kesihatan Yogyakarta, Indonesia



UniSZA melalui Institut Pembangunan (Kesihatan) Masyarakat (i-CODE) telah menandatangani MoU dengan Politeknik Kesihatan Kementerian Kesihatan Yogyakarta, Indonesia. Program ini berlangsung pada 5 Disember 2016 bertempat di Dewan Senat, UniSZA Kampus Gong Badak.

MoU tersebut telah ditandatangani oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi A. Latif dan Pengarah Politeknik Kesihatan Kementerian Kesihatan Yogyakarta, Abidillah Mursyid SKM, MS. Pengarah i-CODE, Prof. Tengku Mohammad Ariff Raja Hussin dan Timbalan Pengarah, Politeknik Kesihatan Kementerian Kesihatan Yogyakarta, Sari Hastuti S.Si. T, MPH menjadi saksi kepada MoU tersebut.

Melalui perjanjian ini, kedua-dua pihak berhasrat untuk menggalakkan dan meningkatkan kerjasama dalam beberapa perkara seperti pembangunan program akademik kolaboratif (ijazah / bukan ijazah), pertukaran staf akademik, kakitangan pentadbiran dan pelajar, bidang penyelidikan, sokongan untuk kursus pembelajaran jarak jauh, pertukaran maklumat dan penerbitan termasuk e-jurnal.



UniSZA Beri Tentangan Sengit Sebelum Tewas Kepada UIR

Satu perlawanan bola sepak persahabatan antara Universiti Islam Riau (UIR) dan UniSZA telah diadakan sempena lawatan UIR ke sini baru-baru ini. Perlawanan tersebut pada 18 Januari 2017 di Padang Sintetik Kompleks Sukan Gong Badak.

Pada perlawanan itu, UniSZA yang pernah menjuarai Piala Menteri Pengajian Tinggi terpaksa menerima hakikat kekuatan UIR apabila tewas 0-1.

“Walaupun tewas, ini adalah satu pencapaian yang membanggakan. Kami akan mengadakan sesi latihan



yang lebih baik sebagai persediaan untuk menghadapi kejohanan besar dan bertaraf antarabangsa.” ujar Ketua Jurulatih, Zulharisam Awang.

Selain mengeratkan hubungan dan meluaskan jaringan antara kedua-dua buah universiti, para pemain bola sepak UniSZA dapat menimba pengalaman berharga beraksi bersama pemain-pemain luar.

Klinik Asas Memanah Cungkil Bakat Peserta



Melentur buluh biarlah dari rebungunya. Justeru, Pusat Kecemerlangan Sukan Memanah mengambil inisiatif mengadakan Klinik Asas Memanah kepada para pelajar sekolah rendah dan menengah di Terengganu. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan khusus kepada semua peserta mengenai peralatan, syarat, undang-undang dan teknik memanah.

Menurut Pengarah Pusat Sukan & Rekreasi UniSZA, En.



Riduan Mohamed Arof dalam ucapan perasmianya berkata, program ini juga bertujuan untuk mencari dan mencungkil bakat memanah dalam kalangan peserta.

Klinik yang diadakan pada 28 Januari di Lapang Sasar Memanah UniSZA melibatkan penyertaan seramai 120 orang pelajar sekolah rendah dan menengah sekitar Kuala Terengganu.





بوتاني، سيدي، سلطان زين العابدين
UNISZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN



Tahyiah



YBhg. Brig. Jen. Datuk Prof. Emeritus Dr. Kamarudin Hussin

atas pelantikan sebagai

Pengerusi

Lembaga Pengarah Universiti

Universiti Sultan Zainal Abidin

Daripada

Pengurusan Tertinggi dan Seluruh Warga UNISZA



Dr. R. Badlishah Ahmad


YBrs. Prof. Ir. Dr. R. Badlishah Ahmad

atas pelantikan sebagai

Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)

Universiti Sultan Zainal Abidin

Daripada
Pengurusan Tertinggi dan Seluruh Warga Unisza
www.unisza.edu.my



CREATING AND ENHANCING SERVICE ORGANIZATIONS: ISSUES AND RESEARCH AGENDA IN MALAYSIA


PENYUNTING: Mazuri Abd Ghani, Bahyah Abdul Halim, Rashidah Mohd Ibrahim

ISBN: 978-967-0899-34-3

HARGA: RM33.00

TAHUN: 2016

This book describes briefly the issues and research agendas in service organizations in Malaysia. To survive in the dynamic and competitive service environment, there is an ultimate necessity for services players to build a competitive edge and enhance their services. This book is divided into four parts and contains eight chapters. The first part focuses on the hotel industry, followed by the education and government services, business services and transport and logistics. The content of this book is comprised of research studies by lecturers at Faculty of Economics, Accountancy and Management Sciences at Sultan Zainal Abidin University (UniSZA). The chapters are based on empirical studies in Malaysia conducted by the lecturers. Among the issues and research agendas are market orientation, brand orientation, brand performance, relationship marketing, emotional intelligence and commitment, organizational citizenship behaviour, job satisfaction, occupational safety and health, consulting services, work-family conflict and issues and challenges in halal logistic management. As a whole, all the issues and research agendas discussed in this book can provide informative literature to students, graduates, academicians, researchers as well as managers in the related industry.



INTERCONNECTION ISSUES OF ACCOUNTING, FINANCE AND ECONOMIC IN THE CAPITAL MARKET TRANSACTION

PENULIS: Nik Mohd Norfadzilah Nik Mohd Rashid, Zunaidah Sulong, Che Azizah Abdul Rahman

ISBN: 978-967-0899-28-2


HARGA: RM43.00

TAHUN: 2015

The content of this book consists of simple discussions related to the issues in accounting, finance and economics in the capital market transaction. In line with the interest of the stakeholders in the capital market, this book provides comprehensive information in order to provide a basic knowledge in the business organization's activities. There are three key features included in this book:

1. Forensic Accounting and Financial Fraud
2. Corporate Governance Mechanisms
3. Taxation and Accounting Support Service

With an adequate knowledge on the selected issues, it is believed stakeholders in the capital market will become more proficient especially in the business decision making process. Therefore, this book is considered an important tool to be mastered among of the stakeholders in order to safeguard their interest in the capital market transactions. "It's not about the market value in the business, but how we value the market in the business."



ISLAMIC TRANSACTIONS AND PRACTICES IN FINANCE, ACCOUNTING AND TAKAFUL


PENULIS: Zunaidah Sulong, Nik Mohd Norfadzilah Nik Mohd Rashid, Che Azizah Abdul Rahman

ISBN: 978-967-0899-27-5

HARGA: RM45.00

TAHUN: 2015


This book, as the title implies, "Islamic Transactions and Practices in Finance, Accounting and Takaful", intended to become an initial attempt to discuss various pertinent issues in Islamic contentions of finance and accounting by placing them together in one book. It consists of a collection of ten separate research works from the Faculty of Economics and Management Sciences at Universiti Sultan Zainal Abidin. The book is divided into three parts; first, Islamic Finance (Chapter 1 to Chapter 3); second, Islamic Accounting and Financial Literacy (Chapter 4 to Chapter 7); and third, Takaful Practices (Chapter 8 to Chapter 9). This book reviews past developments and existing challenges in Islamic finance, accounting and takaful, while exploring fresh thinking on future prospects. It also reflects issues of practical aspects that the Islamic finance industry have encountered over the years. This book will benefit readers in many ways; as a platform to contribute in enriching and integrating knowledge, as well as in finding new solutions pertaining to the future success of Islamic transactions and practices in Malaysia.



DATA ANALYSIS USING R SOFTWARE

PENULIS: Arunodaya Barman
ISBN: 978-967-0899-31-2
HARGA: RM69.00
TAHUN: 2016

Statistical procedures are inevitable to establish and to report findings of research. When reviewing several studies and dealing with several senior and junior colleagues, it became apparent that necessary data regarding the study design and statistical analysis is commonly incomplete or inappropriate. This book is to assist users to apply applicable methods in their analysis. Examples are given on choosing and performing the statistical tests manually and using R packages version 3.2.1. This book was help the researchers with very little statistical knowledge and skill to analyze the data using R packages.



ISU PENDIDIKAN BAHASA ARAB ASPIRASI GURU-AUTONOMI PELAJAR

PENULIS: Aznida Aziz, Nadhilah Abdul Pisal, Yulsaini Yunus
ISBN: 978-967-0899-36-7
HARGA: RM54.00
TAHUN: 2016

Buku ini mengandungi sepuluh bab yang mengutarakan pelbagai isu pendidikan bahasa Arab di Malaysia berdasarkan senario yang berlaku dalam dunia sebenar. Kupasan isi dalam setiap bab menuntut inspirasi guru dalam pengajaran dan autonomi pelajar dalam pembelajaran bahasa. Peranan guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa tidak seharusnya dikesampingkan. Oleh itu, buku ini sesuai dimiliki oleh para guru dan pelajar bahasa Arab sebagai bahasa kedua mahupun bahasa asing untuk meneroka pelbagai masalah yang sering dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa serta mengenal pasti jalan penyelesaian yang sesuai digunakan untuk membuat penambahbaikan. Keistimewaan buku ini juga turut ditampilkan dengan penyusunan pelbagai bidang ilmu bahasa Arab yang dikaitkan dengan bidang pengajaran dan pembelajaran.



MANHAJ DAN MESEJ DAKWAH KEPADA PEMBESAR

PENULIS: Zawawi Yusoff, Mohd Safri Ali, M. Zaidin Mat
ISBN: 978-967-0899-54-1
HARGA: RM52.00
TAHUN: 2016

Latar belakang penurunan surah 'Abasa, surah yang ke-80 di dalam al-Quran ialah suasana Rasulullah s.a.w. sedang berdakwah kepada golongan pembesar Quraisy. Tindakan ini tercetus daripada naluri baginda sendiri dengan harapan apabila golongan pembesar menerima dakwah maka hilanglah sebahagian daripada halangan dakwah. Pada masa Rasulullah s.a.w. dan pada peringkat permulaan dakwah di Nusantara, dakwah berkembang dengan cepat kerana ia banyak didokong oleh golongan ini. Justeru, buku ini menyingkap sejarah dakwah Rasulullah s.a.w. kepada golongan pembesar yang dilakukan melalui pelbagai manhaj dan mesej dakwah yang sesuai dengan keadaan mereka. Halangan dan masalah dakwah kepada mereka dibahaskan berdasarkan penceritaan di dalam al-Quran. Konsep dakwah, mesej dan pembesar dikupas bersumberkan rujukan-rujukan yang berautoriti. Sorotan sejarah dakwah para rasul a.s. kepada golongan pembesar khususnya dari aspek mesej turut dibincangkan. Kemuncak perbincangan di dalam buku ini ialah kejayaan dakwah Rasulullah s.a.w. kepada golongan pembesar melalui surat. Melalui penjelasan tentang perkara-perkara yang berkaitan seperti kepentingan, manhaj, halangan, mesej dan faktor kejayaan dakwah Rasulullah s.a.w., buku ini diharapkan dapat menjadi satu sumbangan bermakna dalam usaha memperkayakan khazanah ilmu dakwah terutamanya tentang dakwah kepada golongan pembesar.